

# **MSM untung RM15.88 juta**

**Keuntungan bersih** MSM Malaysia Holdings Bhd meningkat kepada RM15.88 juta dalam suku ketiga yang berakhir 30 September 2018 daripada RM10.42 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu, berikutan kos bahan mentah lebih rendah dan kadar pertukaran asing yang menguntungkan.

Bagaimanapun, hasil bagi suku berkenaan turun kepada RM562.05 juta daripada RM667.11 juta sebelumnya, disebabkan pengurangan empat peratus dalam keseluruhan muatan yang terjual dan purata harga jualan yang lebih rendah.

Bagi tempoh sembilan bulan, pengeluar gula bertapis itu mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM46.01 juta berbanding kerugian bersih RM45.66 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu berikutan kos bahan mentah lebih rendah dan kadar pertukaran asing yang menguntungkan.

Hasil bagi tempoh berkenaan berkuranngan kepada RM1.68 bilion daripada RM2.01 bilion sebelumnya berikutan keseluruhan muatan terjual yang lebih rendah.